



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEP)
www.ijepc.com**



**PENGARUH KONSEP KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR UNIVERSITI**

*THE INFLUENCES OF SELF -CONCEPT ON ACADEMIC ACHIEVEMENT OF
UNIVERSITY STUDENTS*

Abdul Rashid Abdul Aziz^{1*}, Mohd Azrin Mohd Nasir², Rezki Perdani Sawai³, Amin Al-Haadi Shafie⁴, Muhammad Asyraf Che Amat⁵

¹ Universiti Sains Islam Malaysia

Email: rashid@usim.edu.my

² Universiti Utara Malaysia

Email: mohdazrin@uum.edu.my

³ Universiti Sains Islam Malaysia

Email: rezki@usim.edu.my

⁴ Universiti Sains Islam Malaysia

Email: amin@usim.edu.my

⁵ Universiti Putra Malaysia

Email: mhdasyraf@upm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.06.2021

Revised date: 15.07.2021

Accepted date: 21.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Aziz, A. R. A., Nasir, M. A. M., Sawai, R. P., Shafie, A. A., & Che Amat, M. A. (2021). Pengaruh Konsep Kendiri Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Universiti. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (44), 111-123.

DOI: 10.35631/IJEP.644009

Abstrak:

Senario kini memperlihatkan banyak universiti sama ada awam maupun swasta menjalankan pelbagai inisiatif dalam meningkatkan kualiti program akademik yang ditawarkan. Hal ini kerana, kecemerlangan pencapaian akademik merupakan salah satu faktor pentru kepada kebolehpasaran graduan. Namun, faktor psikologi seperti konsep kendiri dilihat masih lagi kurang ditekankan sebagai aspek penting dalam menentukan pencapaian akademik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh konsep kendiri terhadap pencapaian akademik pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang melibatkan subjek kajian yang terdiri daripada 160 orang pelajar (n=160). Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan tahap pencapaian akademik dan tahap konsep kendiri subjek dalam bentuk peratus serta kekerapan. Manakala, analisis regresi digunakan bagi melihat pengaruh faktor-faktor konsep kendiri terhadap pencapaian akademik. Dapatkan kajian dapat dirumuskan seperti berikut; (i) majoriti subjek mempunyai pencapaian akademik pada tahap kepujian (51.9%) (ii) majoriti subjek mempunyai tahap konsep kendiri yang sederhana (61.3%); dan (iii) faktor konsep kendiri yang membawa perubahan kepada pencapaian akademik iaitu peratusan yang paling

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



tinggi menyumbang kepada pencapaian akademik adalah gagasan konsep kendiri personal atau peribadi iaitu sebanyak 17.1 peratus. Justeru, kajian ini berjaya membuktikan bahawa konsep kendiri mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar dan terdapat faktor-faktor konsep kendiri yang menyumbang kepada pencapaian akademik. Implikasi dan cadangan kajian akan datang turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata Kunci:

Konsep Kendiri, Pencapaian Akademik, Pelajar, Universiti

Abstract:

The current scenario revealed that many universities, both public and private, are taking various initiatives in improving the quality of academic programs offered. This is because, excellence in academic achievement is one of the determining factors for the graduate employability. However, psychological factors such as self -concept are still under -emphasized as an important aspect in determining academic achievement. Therefore, this study aims to look at the relationship between self -concept and academic achievement of students in Institutions of higher learning. The study uses a survey method in which subjects were selected through simple random sampling involving 160 students ($n = 160$). Descriptive statistical analysis was used to describe the level of academic achievement and the level of self -concept of the subject in the form of percentage as well as frequency. Meanwhile, regression analysis was used to see the influence of self-concept factors on academic achievement. The findings of the study can be summarized as follows; (i) the majority of subjects had academic achievement at the honors level (51.9%) (ii) the majority of subjects had a moderate level of self -concept (61.3%); and (iii) the self -concept factor which contribute to the highest percentage of changes in academic achievement is the construct of personal self -concept (17.1 percent). In conclusion, this study successfully proves that self-concept has a significant relationship with students' academic achievement and there are self-concept factors that contribute to academic achievement. Implications and recommendations for future studies are also discussed in this study.

Keywords:

Self -Concept, Academic Achievement, Students, University

Pengenalan

Pembentukan keperibadian dan tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh penilaian, persepsi atau tanggapan individu terhadap diri sendiri hasil dari penilaian orang lain ataupun daripada diri individu itu sendiri. Sekiranya seseorang itu mempunyai pandangan yang positif terhadap diri, serta menerima dan menghargai kelebihan diri, ia akan memberi impak positif dalam hubungan interpersonal, meningkatkan motivasi untuk berjaya dalam kehidupan dan pembelajaran (Farah Wazera & Mohammad Mujaheed, 2021). Sebaliknya, jika pelajar mempunyai konsep kendiri yang negatif, tingkah laku dan emosi juga akan negatif. Natijahnya, mereka ini mudah berasa kecewa, merasa lemah, mudah marah dan mudah berputus asa apabila berhadapan dengan sebarang cabaran dalam kehidupan dan cenderung untuk mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan.

Sebagai pelajar, konsep kendiri adalah penting dan dipercayai mempunyai kesan signifikan ke atas pencapaian akademik. Dalam erti kata lain, tinggi atau rendahnya pencapaian akademik

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

adalah bergantung kepada positif atau negatifnya tanggapan konsep kendiri seseorang itu terhadap pelajaran dan prestasinya (Ishak, 2004). Kajian yang mengaitkan konsep kendiri dengan prestasi sekolah atau akademik banyak dilakukan di peringkat pengajian tinggi (Farah Wazera & Mohammad Mujaheed, 2021; Moller, Retelsdorf, Koller dan Marsh. 2011; Skaalvik dan Skjaalvik, 2013). Konsep kendiri pelajar mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keberkesanannya diri pelajar dalam pencapaian akademik (Ferla, Valcke dan Cai, 2009). Manakala, konsep kendiri akademik berkorelasi secara signifikan dengan penyesuaian individu dalam pendidikan (Wosu, 2013; Mensah, 2014) dan akhirnya dapat meramal pencapaian akademik (Guo et al., 2016).

Tambahan lagi, konsep kendiri juga berkait rapat dengan keyakinan diri. Pelajar yang memiliki konsep kendiri yang baik cenderung untuk lebih berkeyakinan dan berkemampuan memberi pendapat atau berinteraksi dengan rakan-rakan dan juga pensyarah. Kemahiran komunikasi ini perlu dikuasai oleh seseorang individu bagi membolehkan mereka berhubung dengan orang lain secara lebih berkesan. Dalam konteks pelajar, kemahiran komunikasi adalah dituntut bagi membolehkan mereka berkomunikasi dan berhubung dengan pensyarah serta rakan sebaya bagi tujuan perbincangan atau menyuarakan pendapat (Nazihah, Fauziah & Nur Saadah, 2020). Apatah lagi, telah menjadi amalan sistem pendidikan sekarang yang memfokuskan kepada corak pembelajaran yang memerlukan pelajar mengemukakan pendapat mereka (Azizi, Yusof, Halimah & Jamaludin, 2010). Kegagalan menguasai kemahiran ini mendorong pelajar untuk mengalami kesukaran untuk berinteraksi dengan rakan sebaya di bilik kuliah. Secara tidak langsung, perkara ini akan memberi kesan negatif terhadap pelajar untuk tidak mempunyai kepercayaan diri atau lemah konsep kendiri yang mengakibatkan kemerosotan pencapaian akademik.

Selain itu, mereka yang mempunyai konsep kendiri yang rendah juga cenderung terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi atau antisosial dan boleh menyebabkan pencapaian akademik mereka terjejas. Menurut Azizi et al., (2004) kebanyakannya daripada golongan muda di Malaysia terlibat dengan budaya ekstremisme, mat rempit, penagihan dadah, dan mencuri. Senario yang dipaparkan menjelaskan bahawa ciri-ciri keperibadian positif dalam kalangan golongan muda berada pada tahap membimbangkan dan dikaitkan dengan konsep kendiri yang negatif. Natiyahnya, mereka mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif seterusnya mengheret pelajar ke arah pelbagai masalah tingkah laku (Siti Jamiaah, Yusmini, dan Rozmi, 2017). Oleh itu, pendidik perlu memahami elemen-elemen penting yang dapat membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar seperti aspek motivasi, konsep kendiri, dan efikasi kendiri (Yahya Don, 2006).

Walaupun terdapat banyak kajian telah dilakukan, tiada satu gambaran konklusif mengenai sejauh mana hubungan antara pembahagian elemen dalam konsep kendiri dengan pencapaian akademik terutamanya dalam konteks pelajar Malaysia. Pengaruh elemen dalam konsep kendiri iaitu konsep kendiri personal, konsep kendiri moral, konsep kendiri sosial, konsep kendiri keluarga, konsep kendiri fizikal dan konsep kendiri akademik yang dikaji ini adalah satu aspek penting dalam mempengaruhi jati diri individu yang akan membawa kepada keharmonian negara. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor konsep kendiri yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Sorotan Literatur

Sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini mementingkan peperiksaan, misalnya peperiksaan penggal di sekolah, peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), malah peperiksaan juga memainkan peranan yang penting di peringkat kolej dan universiti sebagai salah satu bentuk ukuran pencapaian pelajar. Pencapaian dalam peperiksaan juga merupakan paspot untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan serta luar negeri malahan menjadi kayu ukur untuk prestasi diri dan kerjaya yang akan diceburi kelak (Hanita & Norzaini, 2018).

Pelajar yang mempunyai refleksi negatif terhadap diri sendiri tidak mampu untuk menangani tekanan akademik serta tidak mampu mengadaptasikan diri dalam persekitaran pembelajaran dan interaksi sosial (Chen, Yeh, Hwang dan Lin, 2013). Manakala, konsep kendiri positif dilihat mampu menyumbang kepada kejayaan dalam persekitaran pendidikan, interaksi sosial, dan juga kesejahteraan emosi kepada pelajar semasa dalam proses pengajian akademik mereka (Eccles, 2009; Harter, 2012; Nasir & Lin, 2012; Chen, Yeh, Hwang dan Lin, 2013). Konsep kendiri positif juga dikaitkan dengan pelbagai faktor yang berbeza seperti individu yang lebih bahagia (Hunagund & Hangal, 2014); prestasi akademik yang lebih baik (Salami & Ogundokun, 2009); tingkah laku pro-sosial (Schwarzer & Fuchs, 2009); dan kesejahteraan psikologi (Mamata & Sharma, 2013).

Hasil kajian silang budaya menunjukkan bahawa konsep kendiri yang negatif memberi pengaruh buruk terhadap prestasi akademik pelajar dari pelbagai sampel dan negara (Seaton, Marsh, & Craven, 2010; Nagengast & Marsh, 2012). Cvencek, Fryberg, Covarrubias dan Meltzoff, (2018), ketika menganalisis pelajar sekolah rendah di Amerika Utara mendapati bahawa prestasi akademik, serta konsep kendiri akademik kanak-kanak dari kumpulan minoriti, lebih rendah dibandingkan dengan kumpulan majoriti. Hasil yang serupa yang menunjukkan kelemahan kumpulan minoriti di sekolah terdapat dalam kajian lain (Strayhorn, 2010).

Selain itu, kajian kohort pelbagai yang dilakukan oleh Guay, Senecal, Gauthier, dan Fernet, (2003) & Wu, Guo, Yang, Zhao & Guo (2021) dalam kalangan pelajar sekolah rendah mendapati bahawa pencapaian akademik memberi kesan kepada pembinaan konsep kendiri dan konsep kendiri juga memberi kesan kepada pencapaian akademik (*reciprocal effect model*). Kajian kohort yang dilakukan ini melibatkan tiga peringkat umur yang berbeza yang memberi tumpuan kepada model pembangunan kendiri dan pembangunan kemahiran pelajar. Ini juga selaras dengan Phye (1997) yang melihat aspek konsep kendiri akademik dan hubungkaitnya dengan pembangunan pelajar, pendidikan dan implikasi kepada pembelajaran di kelas berpandukan model konsep kendiri yang diperkenalkan oleh Shavelson, Hubner dan Stanton (1976) mendapati bahawa konsep kendiri mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh Farah Wazeera dan Mohammad Mujaheed (2021) di Universiti Putra Malaysia melibatkan seramai 351 responden melaporkan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara konsep kendiri dan motivasi akademik. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai konsep kendiri dan motivasi akademik yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Ajunwo (2018) pula mendapati pengaruh konsep kendiri yang positif dalam diri pelajar akan mencetuskan prestasi akademik yang lebih baik daripada pelajar lain. Hasil daripada kajian

yang dijalankan ini juga mendapati bahawa konsep kendiri merupakan medium penting dalam diri manusia khususnya golongan muda yang sedang melalui zaman kehidupan di Universiti.

Dalam melihat pengaruh konsep kendiri, beberapa boleh ubah lain telah dianalisis bersama konsep kendiri dan prestasi akademik iaitu gender. Dalam kajian meta-analisis yang dijalankan oleh Voyer dan Voyer (2014), mendapati wanita mencapai prestasi pembelajaran yang lebih tinggi dalam subjek tertentu seperti bahasa, serta seni dibandingkan dengan lelaki. Ini adalah kerana wanita memiliki konsep kendiri yang lebih tinggi dalam bidang pelajaran atau kursus yang berkaitan dengan bahasa, serta seni dibandingkan dengan lelaki (Huang, 2013). Namun demikian, kajian yang dilakukan oleh Nalah (2014) tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dan prestasi akademik pelajar lelaki dan perempuan tanpa mengira bidang akademik mereka. Ini menunjukkan bahawa gender tidak mempengaruhi atau menentukan konsep diri seseorang dan prestasi akademik. Ini berkemungkinan kerana kemajuan teknologi mendorong semua pelajar tanpa mengira jantina untuk mendapatkan akses ke pengetahuan internet, satelit, dan kemudahan moden lain di institusi akademik untuk mengembangkan konsep kendiri dan prestasi akademik.

Muzdalifah (2016) mendapati bahawa konsep kendiri dapat mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Satu kajian yang dilakukan oleh Muzdalifah terhadap pelajar Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah Fakultas Tarbiyah dan Keguruan Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar menunjukkan bahawa semakin tinggi konsep kendiri individu, semakin tinggi prestasi akademik pelajar. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Ashari (2012), yang menunjukkan konsep diri pelajar memiliki pengaruh yang positif dan signifikan terhadap hasil pembelajaran pelajar. Dalam kajian ini, pelajar menunjukkan prestasi belajar yang semakin tinggi apabila konsep kendiri yang diterapkan lebih positif. Pelajar yang mempunyai konsep kendiri positif akan bertindak optimis terhadap masa depannya dan tidak takut jika menghadapi kegagalan. Namun, pelajar yang mempunyai konsep kendiri negatif akan mempunyai pemikiran pesimis yang secara tidak langsung telah mempersiapkan dirinya untuk gagal.

Hurlock (2007) menyatakan bahawa konsep kendiri bukanlah sesuatu faktor yang wujud sejak kelahiran individu. Namun konsep kendiri dipengaruhi oleh beberapa faktor luaran iaitu faktor yang dipelajari dan pengalaman-pengalaman individu dalam berkomunikasi dengan orang lain dan persekitarannya. Konsep kendiri memberi pengaruh terhadap motivasi individu dalam mencapai kejayaan. Sarlito (2014) juga menjelaskan bahawa seseorang yang mempunyai konsep kendiri yang positif dapat memahami dan menerima segala kelebihan dan kekurangan yang ada pada diri mereka. Mereka juga mempunyai motivasi tinggi dalam mencapai kejayaan dan di dalam diri pelajar universiti mempunyai konsep kendiri yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa konsep kendiri dapat mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan sekaligus mempengaruhi bagaimana seseorang berusaha dalam mencapai keinginannya. Seorang pelajar universiti dengan tahap konsep kendiri yang tinggi akan berusaha untuk mencapai prestasi belajar yang lebih tinggi.

Kajian yang dilakukan oleh Nur Alamsyah (2016) menunjukkan bahawa konsep kendiri juga dapat mempengaruhi prestasi belajar bagi subjek Matematik. Prestasi belajar matematik adalah berkaitan perubahan tingkah laku pelajar dengan perubahan pemikiran iaitu perubahan ke arah pemahaman yang lebih mendalam tentang intipati pelajaran matematik. Dalam kajian ini, konsep kendiri merupakan pandangan pelajar tentang kelebihan dan kekurangan yang dimiliki diri dan berperanan sebagai pendorong bagi individu berusaha dalam meningkatkan

prestasi belajar. Pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi tidak akan cemas dalam menghadapi cabaran dan mampu mengatasi segala kekangan semasa tempoh pembelajaran untuk mencapai kejayaan sekaligus mendorong pencapaian akademik yang tinggi. Manakala pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang rendah akan memandang persekitaran sekeliling secara negatif, gelisah, dan tiada keinginan untuk mencapai kejayaan sekaligus menyebabkan prestasi belajar yang rendah.

Kajian yang dijalankan oleh Prasetyono (2020) terhadap pelajar mata pelajaran Akaun di SMK Walisongo Jakarta Selatan juga menyimpulkan bahawa konsep kendiri mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap pelajar tersebut. Dalam kajian ini, konsep kendiri memberi pengaruh terhadap prestasi belajar individu sebanyak 58 peratus dan lebih 42 peratus adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan dalam kajian ini. Hal ini kemungkinan terjadi kerana para guru SMK Walisongo mengajarkan konsep kendiri yang positif kepada pelajarnya. Ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang seronok dan berkesan mampu memberi kesan terhadap konsep kendiri pelajar sekaligus meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan pendekatan kaedah tinjauan menerusi pengumpulan maklumat dengan mengedarkan satu set soal selidik kepada sampel dalam kalangan pelajar yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji. Populasi kajian terdiri daripada pelajar Universiti Teknologi Malaysia dan pemilihan sampel dibuat dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah (random sampling). Sampel kajian terdiri daripada 160 orang pelajar UTM yang dipilih secara rawak. Kaedah ini merupakan satu prosedur persampelan di mana setiap elemen dalam populasi itu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel (Sabitha Marican, 2006). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah *Tennessee Self-Concept Scale 2* (TSCS2) yang mengandungi 82 item bagi mengukur konsep kendiri secara menyeluruh melalui enam gagasan konsep kendiri iaitu konsep kendiri personal, konsep kendiri moral, konsep kendiri sosial, konsep kendiri keluarga, konsep kendiri fizikal dan konsep kendiri akademik. Kajian rintis dilakukan bagi melihat tahap kebolehpercayaan alat ukur konsep kendiri *Tennessee* (TSCS2) dan ia telah dijalankan ke atas 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar UTM dan memperolehi nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha .75 ($\alpha = .75$).

Sementara itu, Mohd Tajuddin Zakaria (1995) mendefinisikan prestasi akademik sebagai tahap kompetensi yang diperolehi secara akademik melalui peperiksaan formal. Pencapaian akademik atau prestasi akademik biasanya diukur dengan peperiksaan formal dan purata mata gred (cumulative grade point average, cGPA) adalah penunjuk prestasi akademik yang paling biasa digunakan serta purata mata gred semester kumulatif (PNGK).

Prestasi akademik dalam kajian ini merujuk kepada pencapaian pelajar dalam peperiksaan semester akhir pada semester pertama. Pencapaian pelajar akan diukur dengan purata mata gred (GPA). Ahmad Sukari Mohamad (2004) mengkategorikan tahap pencapaian akademik berdasarkan gred yang diperoleh seperti berikut;

Jadual 1: Tahap Pencapaian Akademik Berdasarkan Gred

Gred	Tahap pencapaian akademik
A, A-, B+	Cemerlang
B, B-	Kepujian
C+, C, C-	Lulus
D+, D, F	Gagal

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan tahap pencapaian akademik responden berdasarkan gred dalam bentuk peratus dan kekerapan. Sementara itu, analisis regresi digunakan bagi melihat pengaruh faktor-faktor konsep kendiri terhadap pencapaian akademik.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan hasil analisis data terhadap objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan, dapatan kajian dapat dirumuskan seperti berikut;

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Akademik

Tahap pencapaian akademik	Bilangan Responden	Peratus(%)
Cemerlang	54	33.8%
Kepujian	83	51.9%
Lulus	22	13.7%
Gagal	1	0.6%

n=160

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut tahap pencapaian akademik. Daripada jadual ini, dapat dilihat bahawa majoriti daripada responden mempunyai tahap pencapaian akademik yang baik. Seramai 54 orang responden (33.8%) mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang dan 83 orang responden (52.0%) pula mempunyai pencapaian akademik dengan kepujian. Manakala seramai 22 orang responden (13.7%) berada pada tahap lulus dan hanya seorang responden (0.6%) adalah gagal.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Tahap Konsep Kendiri Secara Keseluruhan

Tahap konsep kendiri	Bilangan Responden	Peratus(%)
Tinggi (positif)	51	31.8
Sederhana	98	61.3
Rendah (negatif)	11	6.9

n=160

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut tahap konsep kendiri secara keseluruhan. Seramai 98 responden (61.3%) mempunyai tahap konsep kendiri yang sederhana. Manakala seramai 51 responden (31.8%) pula mempunyai konsep kendiri yang tinggi. Hanya 11 responden (6.9%) mempunyai tahap konsep kendiri yang rendah.

Jadual 4: Analisis Regresi antara Faktor-Faktor Konsep Kendiri Terhadap Pencapaian Akademik.

Pembolehubah	Multiple R	B	Standard Error	Beta	t	Sig
Personal	.171	.023	.007	.413	3.457	.001
Sosial	.109	.021	.008	.331	2.670	.010
Fizikal	.098	.015	.006	.313	2.512	.015
Keluarga	.070	.013	.006	.265	2.097	.040

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa pembolehubah peramal iaitu konsep kendiri personal menyumbang sebanyak 17.1 peratus ($F(1, 58) = 11.948, p < .05$) di dalam pencapaian akademik pelajar. Manakala konsep kendiri sosial menyumbang 10.9 peratus ($F(1, 58) = 7.128, p < .05$) dan konsep kendiri fizikal menyumbang 9.8 peratus ($F(1, 58) = 6.308, p < .05$) kepada pencapaian akademik. Konsep kendiri keluarga menyumbang hanya 7 peratus ($F(1, 58) = 4.397, p < .05$). Hal ini bermakna, faktor-faktor konsep kendiri memberikan perubahan pada pencapaian akademik pada kadar peratusan yang rendah.

Dapatkan kajian menerusi analisis regresi yang dijalankan mendapati bahawa faktor-faktor konsep kendiri yang terdiri daripada konsep kendiri fizikal, konsep kendiri personal, konsep kendiri keluarga, dan konsep kendiri sosial mempengaruhi pencapaian akademik. Gagasan konsep kendiri ini memberi perubahan kepada pencapaian akademik melalui peratusan pengaruh yang disumbangkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa konsep kendiri personal menyumbang kepada pencapaian akademik sebanyak 17.1 peratus dan diikuti oleh konsep kendiri sosial yang menyumbang kepada 10.9 peratus kepada pencapaian akademik. Seterusnya, diikuti oleh konsep kendiri fizikal yang menyumbang sebanyak 9.8 peratus. Konsep kendiri keluarga pula menyumbang sebanyak 7 peratus terhadap pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, dapatkan kajian menunjukkan bahawa gagasan konsep kendiri moral dan konsep kendiri akademik tidak mempengaruhi pencapaian pelajar.

Dapatkan kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Fitts dan Warren (2003) yang berpendapat bahawa konsep kendiri merupakan persepsi seseorang berkenaan dirinya kerana hanya individu tersebut lebih mengenali dirinya sendiri. Dalam kajian tersebut, mereka mendapati konsep kendiri adalah multidimensi yang merupakan integriti daripada domain Kendiri Fizikal, Kendiri Moral, Kendiri Peribadi, Kendiri Keluarga, Kendiri Sosial dan kendiri Akademik. Walaubagaimanapun, Fitts dan Warren (2003) menyatakan bahawa hanya lima daripada lapan dimensi paling mempengaruhi pembentukan konsep kendiri individu. Ini termasuklah konsep kendiri fizikal, moral, etika, keluarga, hubungan sosial. Kendiri fizikal yang dimaksudkan ialah penampilan fizikal melibatkan rupa paras, bentuk badan dan ketinggian. Moral etika pula berkaitan dengan pandangan agama demi untuk menjaga hati masyarakat umum. Seterusnya faktor keluarga, iaitu hubungan individu dengan ibu bapa dan adik beradik serta kebahagiaan dalam rumah tangga turut mempengaruhi konsep kendiri individu. Manakala, hubungan sosial yang meliputi hubungan individu dengan individu lain juga membentuk konsep kendiri. Sementara itu, terdapat kajian lain yang menyokong bahawa

konsep kendiri akademik dan pencapaian akademik saling berkaitan (Farah Wazera & Mohammad Mujaheed, 2021, Sandeep Kumar & Jaiswal, 2017).

Walaubagaimanapun, terdapat dapatan kajian yang dijalankan pada hubungan antara konsep kendiri fizikal, konsep kendiri sosial dan pencapaian akademik yang bercanggah antara satu sama lain. Mboya (1999) dan Yu et al. (2006) merumuskan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara penampilan fizikal dengan pencapaian akademik. Walaubagaimanapun, Dambudzo (2005) membuat kesimpulan bahawa sukan dan pencapaian akademik adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain. Dapatan Asma, Manzoor dan Imran (2010) adalah selari dengan dapatan Trusty et al. (1996) iaitu konsep kendiri fizikal dan konsep kendiri sosial didapati tidak berkaitan dengan pencapaian akademik. Namun, terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah antara konsep kendiri akademik dengan pencapaian akademik. Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Yusof dan Ezzati (2008) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik dari dimensi personaliti dan persekitaran keluarga. Hal ini berlaku kerana responden berasa tidak dihargai oleh ahli keluarganya dan seterusnya menyumbang kepada konsep kendiri keluarga yang rendah yang seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik responden. Walaupun terdapat banyak kajian dilakukan, tiada gambaran konklusif yang muncul mengenai sejauh mana hubungan antara pelbagai konsep kendiri dan pencapaian akademik.

Berdasarkan tinjauan dan perbincangan literatur, pengkaji ingin mencadangkan agar program intervensi yang bertujuan untuk mendorong perkembangan harga diri yang positif harus dibangunkan. Kementerian Pendidikan perlu mendorong lebih banyak penerokaan perkembangan diri pelajar di bidang bukan akademik bagi melegakan tekanan akademik yang tidak wajar disebabkan oleh ibu bapa, sekolah dan masyarakat. Ini kerana tekanan yang diberikan kepada pelajar mempunyai hubungan dengan gejala awal masalah tingkah laku dan hasil kehidupan negatif pada masa hadapan.

Hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada pelajar universiti dari pelbagai jenis universiti dan latar belakang agama dan sosial yang berbeza. Kajian berskala lebih besar juga adalah wajar untuk melibatkan pelajar universiti dari latar belakang geografi, keluarga, agama dan sosial yang lebih pelbagai, supaya kesan institusi pengajian dan latar belakang keluarga, agama dan sosial terhadap tingkah laku dan harga diri dapat dijelaskan lebih lanjut.

Kesimpulan

Secara umumnya, konsep kendiri merupakan keseluruhan persepsi pelajar terhadap dirinya sendiri dan berupaya mempengaruhi pencapaian akademik. Ini menjelaskan, tinggi atau rendahnya pencapaian akademik adalah bergantung kepada positif atau negatifnya tanggapan konsep kendiri seseorang pelajar itu terhadap pelajaran dan prestasinya. Secara keseluruhan dapatan kajian menjelaskan tiada perbezaan tahap konsep kendiri di antara jantina dan juga bangsa. Selain itu, dapatan juga mendapati terdapat hubungan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar serta dapatan kajian mendapati bahawa faktor-faktor konsep kendiri yang terdiri daripada konsep kendiri fizikal, konsep kendiri personal, konsep kendiri keluarga, dan konsep kendiri sosial mempengaruhi pencapaian akademik. Oleh yang demikian, satu rumusan umum yang boleh dibuat ialah konsep kendiri pelajar perlu dipertingkatkan dalam usaha mencapai kecemerlangan khususnya dalam akademik. Selain daripada membentuk modal insan yang bermutu, kecemerlangan akademik ini juga diharapkan dapat membantu negara dalam menghadapi cabaran dan persaingan di peringkat global.

Rujukan

- Asma-Tuz-Zahra, Manzoor H. Arif, Muhammad Imran Yousuf. (2010). Relationship Of Academic, Physical and Social Self-Concepts of Students with Their Academic Achievement. *Contemporary Issues in Education Research*, 3(3), 73-78.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar, Sidek Latif, Fawziah Yahya & Amir Hamzah Abdul. (2004). *Psikologi Sosial*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Halimah Ma'alip & Jamaludin Ramli. (2010). *Hubungan di antara Konsep Kendiri dengan Kemahiran Komunikasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar di Sekolah Menengah Johor Bahru*, 1-13.
- Ajunwo, F. O. (2018). Self-Concept and Academic Achievement of Undergraduate Business Education Students in Rivers State. *International Journal of Innovative Psychology & Social Development*, 6(3), 6-17.
- Ashari. (2012). *Pengaruh Self Concept terhadap Hasil Belajar Siswa di SMA Negeri 1 Makassar, Skripsi*. Makassar,: Fakultas Ilmu Pendidikan UNM.
- Bleidorn, W., Arslan, R. C., Denissen, J. J., Rentfrow, P. J., Gebauer, J. E., Potter, J., & Gosling, S. D. (2016). Age and gender differences in self-esteem-A cross-cultural window. *Journal of Personality and Social Psychology*, 111(3), 396-410. <https://doi.org/10.1037/pspp0000078>
- Boon, Y. B., & Azizi, N. E. B.(2008). Hubungan Antara Konsep Kendiri, Dimensi Personaliti Dan Persekutaran Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar SPA, SPE Dan SPJ. Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Chen, S., Yeh, Y., Hwang, F., & Lin, S. S. J. (2013). The relationship between academic self-concept and achievement: a multicohort- multioccasion study. *Learn. Individ. Differ.* 23, 172-178. doi: 10.1016/j.lindif.2012.07.021
- Chin Chai Pan. (2004). *The Relations between Self-concept, Parenting style and Academic achievement of the Elementary School Students in the Taipei county*. Retrieved on March 13, 2012 from http://ethesys.lib.mcu.edu.tw/ETD-db/ETD-search/view_etd?URN=etd-0624105-034812.
- Constantine, M. G., & Blackmon, S. M. (2002). Black adolescents' racial socialization experiences: Their relations to home, school, and peer self-esteem. *Journal of Black Studies*, 32, 322-335.
- Cvencek, D., Fryberg, S. A., Covarrubias, R., & Meltzoff, A. N. (2018). Self concepts, self-esteem, and academic achievement of minority and majority north american elementary school children. *Child Dev.* 89, 1099-1109. doi:10.1111/cdev.12802
- Dambudzo, I. I. 2005. The Relationship between Learner Self-Concept and Achievement in Secondary Schools in Zimbabwe. (Unpublished Ph.D Thesis), University of South Africa, Zimbabwe
- Eccles, J. S. (2009). Who am I and what am I going to do with my life? Personal and collective identities as motivators of action. *Educ. Psychol.* 44, 78-89. doi: 10.1080/00461520902832368.
- Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan. (2021). Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 75-105, DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.683>.
- Ferla, J., Valcke, M. & Cai, Y. (2009). Academic self-efficacy and academic self-concept: Reconsidering structural relationships. *Learning and Individual Differences*. 19. 499-505. 10.1016/j.lindif.2009.05.004.
- Guay, F., Senecal, C., Gauthier, L., & Fernet, C. (2003). Predicting career indecision: A self-determination theory perspective. *Journal of Counseling Psychology*, 50(2), 165-177.

- Guo, J., Nagengast, B., Marsh, H. W., Kelava, A., Gaspard, H., Brandt, H., Cambria, J., Flunger, B., Dicke, A.-L., Hafner, I., Brisson, B., & Trautwein, U. (2016). Probing the Unique Contributions of Self-Concept, Task Values, and Their Interactions Using Multiple Value Facets and Multiple Academic Outcomes. *AERA Open*. <https://doi.org/10.1177/2332858415626884>
- Harter, S. (2012). *New directions in self-development: resurrecting the i-self," in theory driving research: New wave perspectives on self-processes and human development*, eds D. McInerney, H. W. Marsh, and R. G. Craven. New York, NY: Information Age Publishing. 1–30.
- Hanita Mohd Yusoff & Norzaini Azman. (2018). Pencapaian Akademik Murid Lelaki Dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran Dan Keterlibatan Murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15 (2), 257-287.
- Herrera, L., Al-Lal, M., & Mohamed, L. (2020). Academic Achievement, Self-Concept, Personality and Emotional Intelligence in Primary Education. Analysis by Gender and Cultural Group. *Frontiers in Psychology*, 10, 3075. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.03075>.
- Huang, C. (2013). Gender differences in academic self-efficacy: a meta-analysis. *Eur. J. Psychol. Educ.* 28, 1–35. doi: 10.1007/s10212-011-0097-y.
- Hunagund, D. L., and Hangal, S. J. (2014). Self-efficacy and happiness in youth. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*. 40, 70–73
- Hurlock, E. B. (2007). *Psikologi perkembangan. Suatu pendekatan sepanjang rentang kehidupan*. Jakarta, Erlangga.
- Ishak Mad Shah. (2004). Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator. *Jurnal Teknologi*, 40(E), 33–44.
- Janaun, D.J. (1992). Wawasan 2020 perlu revolusi mental. *Dewan masyarakat*.
- Lum Chee Seng. (2002). *The youth of group counselling in enhancing positive self-concept for undergraduates: A case study*. Latihan Ilmiah Sarjana Sains (Bimbingan dan Kaunseling) yang tidak diterbitkan. UPM.
- Lyon, M. A. (1993). Academic self-concept and its relationship to achievement in a sample of junior high school students. *Educational and Psychological Measurement*, 53, 201-210.
- Mad Shah, I. (2012). Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa sebagai Moderator. *Jurnal Teknologi*, 40(1), 33-44. <https://doi.org/10.11113/jt.v40.428>
- Mamata, N., and Sharma, N. R. (2013). Resilience and self-efficacy as correlates of wellbeing among the elderly persons. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*. 39, 281–288.
- Mary-Rose, N.I & Bruno, U. O. (2017). Relationships Among Academic Self Concept, Academic Motivation and Academic Achievement Among College Students. *European Journal of Research and Reflection in education Science*, 5(2), 93-102.
- Mensah, T., (2014). Relationship between self- concept and school adjustment among Primary school pupils. *Journal of Educational Review*, 13, (8), 205-212.
- Min, M. C., Islam, M. N., Wang, L., & Takai, J. (2018). Cross-cultural comparison of university students' emotional competence in Asia. *Curr. Psychol*, 40, 200–212. doi: 10.1007/s12144-018-9918-3.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (1991). *Faktor-Faktor Membentuk Sikap Pelajar Terhadap Sekolah dan Pelajaran*. Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Dwi-Tahunan ke-VII Perkama.

- Mohamed Hatta. (1994). *Psikologi dan Kaunseling Remaja*. Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar & Salehuddin Sabar (2007). *Konsep Kendiri Pelajar; Kajian di sekolah menengah sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Moller, J., Retelsdorf, J., Koller, O. & Marsh, H. W. (2011). The reciprocal internal/external frame of reference model. an integration of models of relations between academic achievement and self-concept. *American Educational Research Journal*. 48, 1315–1346. doi: 10.3102/0002831211419649
- Muzdalifah, W. (2016). *Pengaruh konsep diri terhadap prestasi belajar mahasiswa jurusan PGMI angkatan 2014-2015 di Fakultas Tarbiyah dan Keguruan Uin Alauddin Makassar*. [Unpublish Master's Thesis]. Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
- Mboya, M. M. (1999). Multiple Dimensions of Adolescents, Self-Concept: Relation with Age, Gender and Scholastic Measures. *School Psychology International*. 20: 388-398
- Nagengast, B., & Marsh, H. W. (2012). Big fish in little ponds aspire more: mediation and cross-cultural generalizability of school-average ability effects on self-concept and career aspirations in science. *Journal Educational Psychology*. 104, 1033–1053. doi: 10.1037/a0027697
- Nalah, A. B. (2014). Self-Concept and Students' Academic Performances in College of Education, Akwanga, Nasarawa State, Nigeria. *World J Young Researchers*. 3(2):32 ISSN 2249-0566.
- Nasir, R., & Lin, L. S. (2012). The relationship between self-concept and career awareness amongst students. *Asian Soc. Sci.* 9, 193–201. doi: 10.5539/ass.v9n1p193.
- Nazihah Kamarudin, Fauziah Ibrahim & Nur Saadah Mohamad Aun. (2020). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Komunikasi Interpersonal dalam Kalangan Mahasiswa Kerja Sosial di Universiti, *Malaysian Journal of Communication*, 36 (2), 52-70.
- Noor Liza Abdullah. (1990). *Pengaruh hubungan remaja, keluarga dan remaja, rakan sebaya ke atas pencapaian akademik dan tingkah laku remaja*. Latihan ilmiah. Bangi: UKM
- Nur Alamsyah. (2016). Pengaruh konsep diri terhadap prestasi belajar matematika siswa SMAN 102 Jakarta. *Researchgate*, 1 (2). DOI: 10.30998/sap.v1i2.1022
- Phye, G. D. (1997). *Handbook of classroom assessment: Learning, achievement, and adjustment. Educational psychology series*. United States: Academic Press. 131-198.
- Prasetyono, H. (2020). Peningkatan konsep diri terhadap prestasi belajar siswa. *Research and Development Journal Of Education*, 49-59.
- Rumaya Juhari & Rozumah Baharudin. (2004). *Pembangunan Manusia; Perspektif Ekologi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sabitha Marican. (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall Pearson.
- Salami, S. O. & Ogundokun, M. O. (2009). Emotional intelligence and self-efficacy as predictors of academic performance. *Perspect. Educ.* 25, 175–185.
- Sandeep Kumar Jaiswal, & Rashmi Choudhuri. (2017). Academic Self Concept and Academic Achievement of Secondary School Students. *American Journal of Educational Research*, 5(10), 1108-1113. doi: 10.12691/education-5-10-13.
- Sarlito, W. Sarwono. (2014). *Psikologi Umum* (Edisi Revisi). Jakarta: Rajawali Press.
- Schwarzer, R. & Fuchs, R. (2009). "Self-efficacy and healthy behaviours," dalam *Predicting Health Behaviour: Research and Practice in Social Cognition Models*, 2nd Edn, eds M. Conner, and P. Norman (Buckingham: Open University Press), 163–196.
- Seaton, M., Marsh, H. W., & Craven, R. G. (2010). Big-Fish-Little-Pond effect: generalizability and moderation-Two sides of the same coin. *American Educational Research Journal*. 47, 390–434.

- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff & Rozmi Ismail. (2017). Pembinaan Konsep Kendiri dari Perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 45 (1), 1-26.
- Shavelson, R., & Hubner, J. J., & Stanton, G. C. (1976). Self-Concept: Validation of Construct Interpretations. *Review of Educational Research*. 46. 407-441. 10.3102/00346543046003407.
- Skaalvik, E. M., & Skjaalvik, S. (2013). School goal structure: associations with students' perceptions of their teachers as emotionally supportive, academic self concept, intrinsic motivation, effort, and help seeking behavior. *International Journal of Educational Research*. 61, 5-14. doi: 10.1016/j.ijer.2013.03.007
- Sofiah Zakaria. (1999). *Pengurusan Kendiri Ke arah Kecemerlangan Akademik*. [Tesis yang tidak diterbitkan]. Sintok: UUM.
- Stoet, G., & Geary, D. C. (2018). The gender-equality paradox in science, technology, engineering, and mathematics education. *Psychological Science*, 29 (4), 581–593. <https://doi.org/10.1177/0956797617741719>.
- Strayhorn, T. L. (2010). When race and gender collide: social and cultural capital's influence on the academic achievement of african american and latino males. *Rev. High. Educ.* 33, 307–332. doi: 10.1353/rhe.0.0147
- Tapas, B. (2018). Impact of Self-Concept on academic achievement of secondary students with relation to their gender of Coochbehar District. *ZENITH International Journal of Multidisciplinary Research*, 8(8), 87-101.
- Trusty, J., R. E. Watts and G. House. (1996). Relationship between self-concept and achievement for African American preadolescents. *J. Humanistic Education and Development*. 35, 29-39
- Voyer, D., and Voyer, S. D. (2014). Gender differences in scholastic achievement: a meta-analysis. *Psychol. Bull.* 140, 1174–1204. doi: 10.1037/a0036620
- Wosu, T. M. (2013). Self-concept as a correlate of social adjustment. *International Journal of Educational Review*. 7, 211–219.
- Wu, H., Guo, Y., Yang, Y., Zhao, L., Guo, C. (2021). A Meta-analysis of the Longitudinal Relationship Between Academic Self-Concept and Academic Achievement. *Educ Psychol Rev*. <https://doi.org/10.1007/s10648-021-09600-1>
- Yahya Don. (2006). *Psikologi Sosial dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yu, C. C. W., S. Chan., F. Cheng, and R. Y. T. Sung. (2006). Are Physical Activity and Academic Performance Compatible? *Educational Studies*, 32 (4), 331–341.
- Yusof Abbas & Nor'Izam Alias. (2010). *Psikoseksual Remaja Lelaki dari Perspektif Biologi dan Islam*. Nilai, Negeri Sembilan: Nur Tijarah Interprise.
- Zalizan Jelas, Hazadiah Dahan, Khatijah Rohani Mohd. Yunus, & Maarof Ridzwan. (2001). *Kajian Prestasi Pelajar Lelaki & Perempuan dalam Sistem Pendidikan Negara*. Laporan yang diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Zamli Toti, Shahlan Surat, Muhammad Syawal Amran & Shalinawati Ramli. (2020). Self-Identity and Academic Achievement among Secondary School Students in Malaysia. *Creative Education*, 11, 1906-1921. <https://www.scirp.org/journal/ce>.
- Zuraidah Abu Talib. (2005). *Teknostres dalam kalangan pegawai akademik di sebuah institusi pengajian tinggi awam*. [Tesis yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.